

Dr M: Dua golongan pelampau Islam kini lahir

B. H. 1 - ~~Dr~~ YUNUS MD. SAID

PETALING JAYA, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa dua golongan pelampau dilahirkan dari kesedaran untuk menghayati Islam yang kian hebat di dunia Islam sejak akhir-akhir ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, golongan pertama terdiri dari mereka yang mempunyai minat dan semangat untuk menghayati Islam sepenuhnya tetapi jahil mengenai ajaran dan kehendak Islam itu sendiri.

Sementara golongan kedua terdiri dari mereka yang memahami selok-belok ajaran dan hukum Islam tetapi menggunakan pengetahuan itu untuk kepentingan peribadi.

Ketika merasmikan pelancaran Nadwah Akademi Islam Kelima anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah di Dewan Al Malek Faisal di sini pagi tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kesedaran terhadap Islam yang timbul berikutan melandanya fahaman kebendaan di dunia moden hari ini harus diberi saluran sewajarnya.

Katanya, penjelasan tentang ajaran Islam yang sebenar boleh mengelakkan peristiwa buruk yang mengancam perpaduan umat Islam dari berlaku.

Salah

Beliau berkata, peristiwa merampas Masjidilharam baru-baru ini adalah satu contoh bahawa ada golongan-golongan yang kononnya memahami agama menggunakan agama untuk kepentingan mereka.

"Dari cerita jemaah haji yang pulang, kita mendapati bahawa golongan yang merampas Masjidilharam itu ada yang mengakui dirinya sebagai Imam Mahadi yang datang untuk membetulkan kepercayaan salah di Arab Saudi," katanya.

"Golongan yang tidak

suka pada perkembangan penggunaan alat-alat moden seperti radio dan televisen itu peliknya tidak segan-segan pula menggunakan senjata-senjata buatan barat untuk membunuh orang-orang Islam sendiri," tambah beliau.

"Jadi kita dapati apabila dicampuradukkan kepentingan diri dengan agama wujudlah golongan yang merosakkan masyarakat," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, sejak zaman purba lagi manusia telah berusaha mencari simbol agama untuk disembah.

"Perbuatan mencari simbol dalam agama Islam sudah merebak di negara ini. Yang sudah mendapat simbol itu menganggap orang lain tidak betul dan dengan ini menanamkan benih benci membenci," ujarnya.

Ini semua berlaku kerana fahaman mereka terhadap Islam adalah tidak meluas, tambah beliau.

"Yang berminat tidak berpengetahuan dan yang berpengetahuan pula mempunyai kepentingan diri," tegasnya.

Beliau menegaskan, agama Islam ialah untuk semua orang Islam dan bukan untuk orang tertentu sahaja.

Beliau berharap keadilan yang mengeneppikan orang Islam lain itu tidak berlanjutan dengan adanya usaha-usaha meningkatkan lagi fahaman golongan cendekiawan khususnya.

Kursus 15 minggu itu mengandungi empat jurusan kajian yang tertentu.